

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

## EDITORIAL BOARD

### **PATRON**

Prof. Dr. Yamin Yasin

### **COORDINATOR**

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### **CHIEF EDITOR**

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### **EDITORIAL COMMITTEE**

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

## **KEPIMPINAN SUKARELAWAN NON-PROFIT ORGANIZATION (NPO)**

*Ditulis oleh: Nor Syamaliah Ngah & Azlina Mohd Hussain*

Sukarelawan merupakan sumber manusia yang penting dalam sesebuah badan bukan berorientasikan keuntungan (NPO). Laporan daripada Jabatan Pertubuhan Persatuan (JPP) melaporkan terdapat peningkatan jumlah NPO yang ditubuhkan dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap sukarelawan semakin meningkat. Namun begitu, jika dilihat di dada-dada akhbar dan juga di laman sesawang, seringkali terdapat permintaan khidmat sukarelawan bagi menjayakan apa-apa program anjuran. Ini memberi gambaran bahawa sukarelawan sedia ada tidak mencukupi. Selain itu, pemimpin NPO turut perlu bersaing sesama mereka untuk mengekalkan sukarelawan sedia ada yang komited dalam menjalankan tugas sukarela. Keadaan ini dikaitkan secara langsung dengan persoalan kepimpinan dan kepengikutan. Bagaimana kepimpinan menguruskan sukarelawan boleh mencetuskan daya saing yang perlu dimiliki oleh NPO bagi memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja sukarelawan yang penting untuk pencapaian misi NPO.

Isu pengekalan sukarelawan merupakan elemen penting yang boleh mempengaruhi kelestarian NPO. Cabaran utama yang

dihadapi oleh pemimpin NPO adalah isu pengekalan sukarelawan yang menyebabkan persaingan untuk mendapatkan sukarelawan dalam kalangan NPO meningkat. Selain dilihat dari sudut persaingan, impak kepada kewangan NPO turut terjejas. Walaupun NPO tidak menawarkan pampasan kewangan kepada sukarelawan, NPO perlu melaburkan masa dan wang untuk proses pengambilan, latihan, dan penempatan sukarelawan. Maka, apabila sukarelawan berhenti menyumbang masa dan tenaga mereka, sumber yang dilaburkan kepada sukarelawan tersebut turut hilang. Di samping itu, kos yang berkaitan dengan pengambilan dan melatih sukarelawan baharu perlu dibayar dan ini pastinya meningkatkan kos. Selain daripada kerugian dalam bentuk pelaburan kewangan dalam pembangunan insan apabila berlakunya kehilangan sukarelawan, NPO juga kehilangan kepakaran yang telah dibina dalam sukarelawan yang terlatih untuk menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan. Dari sudut lain, NPO juga turut kehilangan manfaat daripada hubungan dan jaringan sukarelawan yang terbina dengan pelanggan. Ini merupakan satu kerugian yang membawa kesan yang negatif kepada NPO.

Oleh itu, pemimpin NPO perlu memberi penekanan kepada usaha untuk

mengekalkan sukarelawan dalam NPO. Realitinya, pemimpin NPO perlu sedar bahawa mengurus sukarelawan adalah berbeza dengan mengurus pekerja berbayar. Perbezaan tersebut memberikan kelebihan kepada sukarelawan untuk bebas membuat apa-apa keputusan berkaitan aktiviti mereka bersama NPO. Mereka juga bebas memilih aktiviti-aktiviti NPO yang ingin disertai dan tidak menjadi kesalahan untuk meninggalkan NPO pada bila-bila masa. Selain itu, tidak seperti pekerja berbayar, sukarelawan boleh memilih mana-mana NPO yang mereka sukai mengikut kesesuaian. Selain itu, mereka juga tidak terikat dengan kontrak pekerjaan, tiada skop tugas dan tanggungjawab yang spesifik. Dari sudut prestasi pula, mereka tidak dinilai atau diberi penghargaan berdasarkan kecekapan dan kemahiran profesional. Perbezaan tersebut memberi cabaran yang besar kepada pemimpin NPO untuk mengekalkan tenaga kerja sukarelawan tersebut.

Oleh yang demikian, pemimpin NPO perlu untuk memahami dan memberi perhatian kepada pengurusan sukarelawan supaya sukarelawan akan terus setia bersama NPO bagi mencapai misi dan visi kewujudan NPO. Sukarelawan juga merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan NPO. Oleh kerana pemimpin mempunyai kawalan yang besar terhadap organisasi dan sukarelawan, adalah penting bagi pemimpin

memahami kesan tindakan mereka terhadap tingkah laku sukarelawan terutamanya pengekalan sukarelawan dalam NPO.

